



**TETAMU:** Dr. Mohamad Rizal (dua kiri) bersama pegawai kanan Kolej Universiti Islam Perlis.

## Pengarah UMSKAL terima kunjungan pegawai KUIPs

**UB 11.06.2024 P.07**

**LABUAN:** Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abd Hamid menerima kunjungan hormat pegawai Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) di pejabatnya di Tingkat 13, Bangunan Menara UMSKAL pada Isnin.

Tiga pegawai kanan KUIPs itu ialah Pengarah Canselori KUIPs, Muhammad Syazuwan Ahmad, Ketua Bahagian Pemasaran, KUIPs, Nur Syaedah Kamis dan Ketua Ba-

hagian Kebitaraan Institusi, Azhan Taqiyyadin Arizan,

Muhammad Syazuwan berkata kunjungan bertujuan menjalin kerjasama bagi program UMSKAL dan KUIPs dengan potensi kolaborasi kepakaran akademik kedua-dua institusi.

Selain itu, jaringan strategik institusi dan penganjuran aktiviti secara bersama.

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal berkata UMSKAL mengalu-alukan kerjasama antara kedua-dua

pihak sama ada mababitkan pensyarah, pegawai, kakitangan mahupun pelajar dalam pelbagai bidang.

“UMSKAL berterima kasih kepada KUIPs yang sudi berkolaboratif kepakaran akademik kedua-dua institusi.

“Sudah tentu ia akan memberi manfaat kepada UMSKAL dan KUIPs,” katanya.

Turut hadir Ketua Sektor Sukan dan Rekreasi UMSKAL, Dr Ahmad Fadly Abd Rahman.